

01 JUL 2002

Syed Razak-Calon

CALON BN MESTI BERKARISMA DAN DITERIMA PELBAGAI PIHAK

ALOR SETAR, 1 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional akan memilih orang yang berkarisma untuk memimpin, rajin serta diterima rakyat, parti dan pengundi untuk menjadi calonnya dalam dua pilihan raya kecil di Kedah 18 Julai ini.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata BN Kedah telah menyenaraikan beberapa nama untuk dipilih sebagai calon dan senarai itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Nama-nama itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir apabila beliau pulang dari luar negara tidak lama lagi, dan calon akan diumumkan selepas kedua-dua mereka memberi persetujuan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan setiausaha-setiausaha politik kepada Menteri Besar di sini hari ini.

Penamaan calon bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Anak Bukit dan kerusi Parlimen Pendang ialah pada 10 Julai dan pengundian ialah pada 18 Julai. Kedua-dua kerusi itu sebelum ini diwakili oleh Presiden Pas Datuk Fadzil Noor, yang meninggal dunia pada 23 Jun lepas.

Syed Razak, yang juga Pengerusi BN Kedah, berkata beliau bersyukur kerana pada pilihan raya kecil kali ini tidak berlaku "krisis dalam memilih calon" seperti yang berlaku dalam pilihan raya umum lepas.

Beliau berkata bahawa semasa menghadapi pilihan raya umum lepas, berlaku kes beberapa calon dipertikai oleh pihak tertentu dalam parti, yang menyebabkan kekuatan BN terjejas.

Semasa itu juga wujud kegiatan melobi supaya orang tertentu dipilih sebagai calon, katanya.

"Sekarang mereka tidak lagi bertanya siapa calon yang akan mewakili BN, mereka menyerah kepada pucuk pimpinan pusat dan negeri untuk membuat keputusan. Situasi itu menggambarkan kemantapan BN dalam menghadapi pilihan raya kecil kali ini," katanya.

-- BERNAMA

MZM MAI